

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Pengumpulan data melalui proses soal-selidik telah menghasilkan beberapa dapatan yang memberikan satu gambaran menyeluruh tentang jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh 30 orang pelajar tahun satu yang mengikuti kursus profesional LCCI di Institut Profesional Baitulmal. Di dalam melihat jadual-jadual yang dilampirkan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu pertama, jenis masalah yang dihadapi adalah mengikut turutan tiga aspek utama, iaitu, masalah akademik, masalah peribadi dan masalah sosial. Kedua, kesemua dapatan kajian ini diberikan di dalam bentuk peratusan. Perbezaan peratusan di antara jantina adalah mengikut nisbah perempuan 22 orang dan lelaki 8 orang. Ketiga ialah jenis kekerapan yang ditunjukkan terbahagi kepada tiga, iaitu, selalu menghadapi, kadang-kadang menghadapi dan tidak langsung menghadapi.

Terdapat beberapa jadual yang akan dihuraikan dengan lebih terperinci dan untuk memudahkan perbincangan, dapatan kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian seperti di bawah ;

- 4.1 Masalah- masalah akademik
- 4.2 Masalah-masalah peribadi
- 4.3 Masalah-masalah sosial

4.1 Masalah-masalah akademik.

Masalah yang berkaitan dengan aspek akademik adalah diletakkan di Bahagian pertama kajian ini kerana merujuk kepada kajian-kajian lepas, Rohana (1974) dan Langgulung (1977), masalah akademik adalah merupakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh pelajar-pelajar remaja ini. Aspek akademik ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang akan dibincangkan secara khusus iaitu :

4.1.1 Kursus / bidang yang diambil (soalan 1 – 3)

4.1.2 Kerjaya dan masa depan (soalan 4 – 6)

4.1.3 Bilik darjah, pengajaran guru dan buku teks (soalan 7-10)

4.1.1 Kursus/ bidang yang diambil. (soalan 1 - 3)

Jadual 4.1.1

Masalah berkaitan kursus dan bidang

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN (22)				LELAKI (8)			
		Selalu Menghadapi	Kadang-Kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu Menghadapi	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
1.	Mempunyai keraguan dalam pemilihan kursus untuk persediaan pekerjaan saya	3	13	6	22	2	5	1	8
		13.6%	59.1%	27.3%	100%	25.0%	62.5%	12.5%	100%
2.	Kurang yakin kursus yang diambil dapat memberi kepuasan hati	2	15	5	22	2	3	3	8
		9.1%	68.2%	22.7%	100%	25.0%	37.5%	37.5%	100%
3.	Dipaksa mengambil matapelajaran kursus yang tidak disukai	0	7	15	22	2	4	2	8
		0%	31.8%	68.2%	100%	25.0%	50.0%	25.0%	100%

Secara umumnya, kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Profesional Baitulmal ini adalah mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak Institut ini. Para pelajar mempunyai pilihan untuk memilih matapelajaran yang tertentu setelah memenuhi syarat pengambilan matapelajaran asas dan matapelajaran pilihan kursus tersebut. Selepas pemilihan dibuat melalui borang, pelajar tersebut tidak boleh menukarnya sehingga menghabiskan tempoh pengajian satu semester. Merujuk kepada jadual 4.1.1, lebih separuh daripada keseluruhan jumlah pelajar yang dikaji selalu dan kadang-kadang menghadapi masalah mempunyai keraguan dalam pemilihan kursus untuk persediaan pekerjaan mereka. Jumlah pelajar lelaki yang selalu menghadapi masalah ini ialah 25.0% dan pelajar perempuan ialah 13.6%. Bagi pelajar perempuan yang kadang-kadang menghadapinya ialah 59.1% manakala pelajar lelaki ialah 62.5%. Kedua-dua kekerapan ini (selalu dan kadang-kadang) menghasilkan satu jumlah yang besar iaitu 72.7% bagi pelajar perempuan dan 87.5% bagi pelajar lelaki. Ini adalah satu jumlah yang tinggi berbanding dengan jumlah pelajar yang tidak menghadapi keraguan langsung iaitu sebanyak 27.3% bagi pelajar perempuan dan 12.5% bagi pelajar lelaki.

Di dalam melihat kepada soalan samada pelajar merasa kurang yakin kursus yang diambil akan dapat memberi kepuasan hati, didapati pelajar lelaki lebih selalu menghadapi masalah ini, iaitu sebanyak 25.0% berbanding dengan pelajar perempuan sebanyak 9.1%. Pelajar perempuan

lebih ramai yang hanya kadang-kadang merasai kurang yakin akan mendapat kepuasan dalam kursus yang diambil iaitu sebanyak 68.2% berbanding dengan pelajar lelaki iaitu sebanyak 37.5%. Jumlah pelajar perempuan yang tidak langsung menghadapinya ialah 22.7% dan pelajar lelaki bagi kekerapan yang sama ialah 37.5%.

Soalan 3 melihat kepada terdapatnya faktor paksaan di dalam mengambil matapelajaran yang tidak disukai. Apa yang ketara didapati pelajar lelaki lebih ramai yang merasai faktor paksaan ini berbanding dengan pelajar perempuan. Terdapat 25.0% pelajar lelaki yang selalu menghadapinya dan 50.0 % kadang-kadang merasai unsur paksaan tersebut. Dapatan juga menunjukkan tiada pelajar perempuan kajian ini yang selalu merasa dipaksa mengambil matapelajaran yang mereka tidak sukai. Terdapat 68.2% pelajar perempuan yang tidak langsung merasai faktor ini dan 31.8% kadang-kadang merasa dipaksa mengambil matapelajaran kursus yang tidak disukai.

Di antara ketiga-tiga masalah yang dibincangkan di atas, masalah keraguan pemilihan kursus paling banyak dihadapi oleh pelajar kedua-dua jantina dan masalah yang paling kurang sekali dihadapi ialah soalan ketiga iaitu samada merasa dipaksa untuk mengambil kursus tertentu yang tidak disukai.

4.1.2 Kerjaya dan masa depan (soalan 4 – 6)

Jadual 4.1.2

Masalah berkaitan kerjaya dan masa depan.

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu Meng-hadapi	Kadang-Kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu Meng-hadapi	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
4.	Meragukan kemungkinan mendapat pekerjaan pilihan saya dimasa akan datang	7	12	3	22	2	2	4	8
		31.8%	54.6%	13.6%	100%	25.0%	25.0%	50.0%	100%
5.	Memerlukan nasihat mengenai apa yang harus saya buat selepas pengajian	3	14	5	22	3	4	1	8
		13.6%	63.6%	22.7%	100%	37.5%	50.0%	12.5%	100%
6.	Memutuskan samaada hendak menyambung pelajaran lebih tinggi atau tidak	5	11	6	22	3	3	2	8
		22.7%	50.0%	27.3%	100%	37.5%	37.5%	25.0%	100%

Masalah keraguan mendapat pekerjaan pilihan sendiri di masa akan datang lebih mempengaruhi pelajar perempuan daripada pelajar lelaki . Peratus keseluruhan pelajar perempuan yang sering dan kadang-kadang mempunyai keraguan mendapat pekerjaan di masa hadapan adalah 86.4%, (31.8% + 54.6%) dan pelajar lelaki ialah sebanyak 50.0%, (25.0% + 25.0%). Bagi pelajar perempuan yang selalu memikirkan masalah ini ialah 31.8% dan bagi pelajar lelaki di dalam kekerapan yang sama pula ialah 25.0%. Ini secara ringkasnya menunjukkan pelajar lelaki kurang merasai keraguan ini berbanding dengan pelajar perempuan. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna mereka tidak memikirkannya langsung kerana terdapat separuh daripada mereka yang juga mempunyai keraguan tersebut secara kadang-kadang.

Soalan lima mengemukakan masalah samada pelajar merasai mereka memerlukan nasihat tentang apa yang perlu dibuat selepas pengajian. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar perempuan tidak begitu berat memikirkan tentang nasihat mengenai masa depan mereka. Pelajar lelaki lebih sering memikirkan apa yang harus dibuat selepas pengajian iaitu sebanyak 37.5% manakala pelajar perempuan di dalam kekerapan yang sama pula ialah 13.6%. Jumlah peratusan di bahagian kadang-kadang mencatat jumlah terbanyak iaitu 63.6 % bagi pelajar perempuan dan 50.0% bagi pelajar lelaki.

Di dalam memutuskan samada hendak menyambung pelajaran lebih tinggi atau tidak, jumlah pelajar lelaki yang selalu dan kadang-kadang menghadapinya ialah 75.0%, $(37.5\% + 37.5\%)$ dan pelajar perempuan pula 72.7%, $(22.7\% + 50.0\%)$. Di sini menunjukkan lebih daripada separuh jumlah pelajar yang disoalselidik di dalam kajian ini mempunyai masalah untuk memutuskan samada hendak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak 37.5% pelajar lelaki selalu memikirkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi manakala bagi pelajar perempuan yang selalu memikirkan perkara yang sama ialah 22.7%.

4.1.3 Aspek bilik darjah, pengajaran guru dan buku teks (soalan 7-10)

Jadual 4.1.3

Masalah berkaitan aspek bilik darjah, pengajaran guru dan buku teks

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu Meng-hadapi	Kadang-Kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu Meng-hadapi	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
7.	Masalah ketidakhadiran kelas	0	7	15	22	1	3	4	8
		0%	31.8%	68.2%	100%	12.5%	37.5%	50%	100%
8.	Kesukaran memahami matapelajaran dengan memuaskan	8	12	2	22	5	3	0	8
		36.3%	54.6%	9.1%	100%	62.5%	37.5%	0%	100%
9.	Cara guru mengendalikan kelas membosankan dan tidak berkesan	2	15	5	22	0	6	2	8
		9.1%	68.2%	22.7%	100%	0%	75.0%	25.0%	100%
10.	Buku-buku teks sukar difahami	1	16	5	22	2	6	0	8
		4.5%	72.7%	22.7%	100%	25.0%	75.0%	0%	100%

Masalah pengurusan bilik darjah meliputi aspek yang luas. Di dalam kajian ini, ianya dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu, ketidakhadiran ke kuliah, kesukaran memahami matapelajaran dengan memuaskan, pengajaran guru dan kesukaran memahami buku teks. Masalah ketidakhadiran ke kuliah tidak begitu menjadi masalah serius di sini kerana merujuk kepada rekod kedatangan pelajar, kebanyakan pelajar-pelajar di institut ini didapati menghadiri kelas mereka setiap hari kecuali jika terdapat kes-kes tertentu seperti cuti sakit, kecemasan dan masalah keluarga.

Merujuk kepada jadual 4.1.3, pelajar perempuan didapati tidak begitu menghadapi masalah untuk menghadirkan diri ke kuliah iaitu sebanyak 68.2% tidak langsung menghadapi, 31.8% kadang-kadang dan tiada yang sering menghadapi masalah ini. Jumlah ini berbeza sedikit dengan pelajar lelaki dimana jumlah yang sering menghadapi masalah ini ialah 12.5 %, kadang-kadang sebanyak 37.5% dan tidak menghadapinya langsung ialah 50.0%. Dapatan ini menunjukkan pelajar lelaki lebih cenderung untuk tidak hadir ke kelas berbanding dengan pelajar perempuan. Walaupun demikian perbezaan peratus pelajar lelaki dan perempuan yang sering menghadapi masalah ketidakhadiran kelas adalah sedikit, iaitu, 12.5% pelajar lelaki dan tiada (0%) bagi pelajar perempuan. Sepanjang pengalaman penyelidik mengajar di institut ini, masalah ketidakhadiran kelas bukanlah satu masalah yang serius bagi pelajar tahun satu di sini. Ini mungkin disebabkan mereka masih lagi baru mula menjalankan pengajian dan sukatan pelajaran yang agak berat di tahun satu. Masalah ketidakhadiran ini, mengikut pemerhatian penyelidik adalah semakin meningkat mengikut tahun pengajian, di mana pelajar yang bermasalah ini semakin lama semakin merasa tertekan lantas lebih kerap tidak hadir ke kelas apabila mereka memasuki tahun dua, tiga dan empat.

Masalah kesukaran memahami pelajaran dengan memuaskan adalah satu masalah yang paling tinggi peratusannya dihadapi oleh pelajar-pelajar kajian ini. Terdapat 90.9% pelajar perempuan yang selalu (36.3%) dan

kadang-kadang (54.6%)menghadapinya manakala 100% pelajar lelaki selalu (62.5%)dan kadang-kadang (37.5%) menghadapi masalah yang sama. Pelajar lelaki mempunyai kekerapan selalu menghadapi masalah ini lebih tinggi daripada pelajar perempuan iaitu 62.5% lelaki dan 36.3% perempuan. Perbezaan kedua kekerapan ini ialah 26.2% (62.5% - 36.3%). Masalah ini membawa peratusan yang tertinggi yang dihadapi oleh kedua-dua jantina di dalam keseluruhan masalah di bahagian pertama. Ini menunjukkan pelajar-pelajar ini mempunyai kesukaran memahami pelajaran dengan memuaskan. Ini mungkin berpunca daripada berbagai-bagai faktor seperti pengajaran guru, buku-buku teks yang sukar terutama kerana hampir semua buku-buku teks untuk kursus profesional ditulis di dalam Bahasa Inggeris. Selain daripada itu, pelajar-pelajar ini juga mungkin masih baru hendak mengenali sukatan pelajaran kursus profesional yang keseluruhannya berbeza dengan sukatan pelajaran di sekolah.

Masalah ini perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak memandangkan ianya mempengaruhi pencapaian pelajar di sini. Pelajar-pelajar harus memberi perhatian sewajarnya kepada masalah-masalah ini iaitu cuba mencari punca-punca yang menyebabkan mereka sukar memahami pelajaran dan seterusnya cuba memperbaiki diri mereka.

Masalah seterusnya lebih merujuk kepada aspek pengajaran guru yang membosankan dan ini memberikan kesan kepada pelajar di dalam memahami matapelajaran. Melihat kepada jadual 4.1.3, didapati tiada pelajar lelaki yang selalu menghadapi masalah tidak dapat memahami

pengajaran guru . Jumlah pelajar lelaki yang kadang-kadang menghadapinya ialah sebanyak 75.0% manakala langsung tidak menghadapinya ialah sebanyak 25.0%. Bagi pelajar perempuan pula sebanyak 9.1% selalu menghadapi, 68.2% kadang-kadang dan 22.7% tidak menghadapinya.

Dari segi pengalaman penyelidik mengajar di Institut ini, kebanyakan pensyarah di sini mempunyai cara pengajaran yang lebih menjurus kepada penggunaan papan tulis dan bentuk 'lecture' atau syarahan. Ada juga terdapat sebilangan pensyarah yang menggunakan projektor untuk membantu pengajaran. Cara pengajaran bentuk 'lecture' ini boleh menimbulkan rasa kebosanan dan akhirnya pelajar mula merasai kurangberminat pada matapelajaran tersebut. Selain dari itu, sikap pelajar itu sendiri yang malas atau berat untuk bertanya guru mengenai kesukaran mereka terutamanya yang berkaitan dengan bahasa Inggeris.

Masalah memahami buku teks lebih dihadapi oleh pelajar-pelajar lelaki di mana peratus selalu menghadapinya adalah 25.0% dan kadang-kadang ialah 75.0%. Kesemua pelajar lelaki di dalam kajian ini mempunyai masalah ini samada selalu atau kadang-kadang . Bagi pelajar perempuan pula, jumlah yang selalu menghadapi masalah ini ialah 4.5%, kadang-kadang 72.7% dan tidak menghadapinya 22.7% Ini menunjukkan ada sebilangan kecil pelajar perempuan di dalam kajian ini yang tidak melihat buku teks sebagai sesuatu masalah yang membebankan.

Sebagai kesimpulan bahagian ini, masalah utama yang paling sering dihadapi oleh kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan ialah kesukaran memahami matapelajaran dengan memuaskan. Bagi pelajar perempuan, masalah kedua sering dihadapi ialah cara guru mengendalikan kelas adalah membosankan dan yang ketiga ialah buku-buku teks sukar difahami. Turutan masalah ini berbeza dengan pelajar lelaki iaitu masalah kedua sering dihadapi selepas kesukaran memahami matapelajaran ialah kesukaran memahami buku-buku teks dan ketiga ialah masalah ketidakhadiran ke kelas.

4.2 Masalah yang berkaitan dengan Peribadi (soalan 11-20)

Masalah peribadi merupakan jenis masalah yang sukar dinilai atau diukur secara saintifik kerana ianya berkait rapat dengan apa yang dialami oleh seseorang individu itu di dalam kehidupan hariannya. Secara umumnya didapati masalah peribadi yang paling tinggi sering dihadapi oleh pelajar perempuan adalah berbeza dari pelajar lelaki. Untuk melihat samada jenis masalah ini mempengaruhi sampel kajian ini atau tidak, masalah ini akan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :-

4.2.1 Kewangan (Soalan 11 - 12)

4.2.2 Agama/Kaum (Soalan 13 - 15)

4.2.3 Psikologi (Soalan 16 - 20)

4.2.1 Kewangan (soalan 11 – 12)

Jadual 4.2.1

Masalah berkaitan dengan kewangan

Senarai Jenis Masalah		PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu Menghadapi	Kadang-Kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu Menghadapi	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
11	Tidak tahu menggunakan wang dengan bijak	4	14	4	22	3	4	1	8
		18.2%	63.6%	18.2%	100%	37.5%	50.0%	12.5%	100%
12.	Tidak mempunyai wang belanja yang cukup	4	15	3	22	3	5	0	8
		18.2%	68.2%	13.6%	100%	37.5%	62.5%	0%	100%

Masalah berkaitan kewangan bukanlah di antara masalah yang mempunyai peratusan tertinggi di dalam kajian ini. Melihat kepada jadual 4.2.1, didapati pelajar lelaki lebih selalu menghadapi masalah kewangan berbanding pelajar perempuan. Untuk kedua-dua soalan berkaitan kewangan iaitu masalah tidak tahu mengguna wang dengan bijak dan tidak mempunyai wang belanja yang cukup, peratusan selalu menghadapi ialah sama, iaitu, pelajar perempuan 18.2% dan lelaki 37.5%. Persamaan ini memberi satu kesimpulan iaitu pelajar yang menghadapi masalah tidak tahu menggunakan wang dengan bijak adalah kebanyakannya terdiri dari pelajar yang tidak mempunyai wang belanja yang cukup. Kedua faktor ini berkaitrapat di antara satu sama lain dan justeru itu menunjukkan satu persamaan statistik di dalam kajian ini.

Peratusan pelajar yang kadang-kadang tidak tahu menggunakan wang dengan bijak ialah 63.6% bagi pelajar lelaki dan 50.0% bagi pelajar perempuan. Manakala pelajar yang langsung tidak menghadapi masalah menggunakan wang dengan bijak ialah sebanyak 18.2% bagi pelajar perempuan dan 12.5% pelajar lelaki. Masalah tidak mempunyai wang belanja yang mencukupi dihadapi oleh semua pelajar lelaki di dalam kajian ini tetapi terdapat 13.6% pelajar perempuan yang tidak langsung menghadapinya. Jumlah peratus pelajar lelaki yang selalu menghadapi masalah tidak mempunyai wang belanja yang cukup ialah 37.5%, hampir sekali ganda jumlah pelajar di dalam kekerapan yang sama iaitu 18.2%. Bagi kekerapan kadang-kadang menghadapi memberi peratus 68.2% bagi pelajar perempuan dan 62.5% pelajar lelaki iaitu satu jumlah yang memberi satu julat perbezaan yang rendah.

4.2.2 *Prasangka kaum dan agama (soalan 13 – 15)*

Jadual 4.2.2
Masalah berkaitan agama/kaum

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
13.	Terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama	0	5	17	22	2	3	3	8
		0%	22.7%	77.3%	100%	25.0%	37.5%	37.5%	100%
14.	Musykil (ragu) terhadap beberapa soalan agama yang pernah didengar	1	16	5	22	0	3	5	8
		4.5%	72.7%	22.7%	100%	0%	37.5%	62.5%	100%
15.	Kehadiran ke masjid yang tidak memuaskan	4	10	18	22	1	3	4	81
		18.2%	45.4%	36.4%	100%	12.5%	37.5%	50%	100%

Dalam masalah agama dan kaum, didapati peratusan pelajar yang selalu menghadapi masalah adalah tidak tinggi. Mengikut jadual 4.2.2 sebanyak 77.3% pelajar perempuan tidak langsung mengalami masalah terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama manakala 37.5% pelajar lelaki di kekerapan yang sama. Jumlah pelajar perempuan yang kadang-kadang menghadapinya ialah 22.7% dan didapati tiada pelajar perempuan yang selalu menghadapinya. Pelajar lelaki yang selalu menghadapi masalah ini ialah 25.0%. Melihat kepada dapatan ini, pelajar lelaki adalah lebih terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama.

Sehubungan dengan pengaruh kaum dan agama, soalan seterusnya menimbulkan masalah tentang kemusykilan beberapa soalan agama yang pernah didengar. Pelajar perempuan didapati lebih banyak yang mempunyai kemusykilan agama berbanding dengan pelajar lelaki. Sebanyak 4.5% pelajar perempuan sering menghadapi masalah ini dan 72.7% kadang-kadang menghadapinya. Jumlah ini menunjukkan perbezaan yang lebih daripada separuh dengan pelajar lelaki iaitu bagi pelajar lelaki, tiada yang selalu menghadapi, hanya 37.5% yang kadang-kadang menghadapi dan 62.5% tidak langsung mempunyai kemusykilan. Ini juga menunjukkan pelajar lelaki yang dikaji tidak mempunyai masalah serius berkaitan dengan soalan agama yang pernah didengar.

Kehadiran di masjid bukanlah perkara yang wajib dilakukan oleh setiap pelajar di Institut ini. Walaubagaimanapun ianya digalakkan oleh

pihak institut kepada pelajar lelaki dan perempuan. Masalah kehadiran ke masjid yang tidak beberapa memuaskan timbul berikutan beberapa faktor seperti masalah jarak tempat tinggal dan masjid yang agak memakan masa, terdapat tugas lain yang perlu dilakukan dan merasa malas untuk pergi ke masjid. Walaupun terdapatnya faktor-faktor yang berlainan, keseluruhan masalah ini belum boleh dikategorikan sebagai masalah berat kerana peratusan pelajar yang menganggapnya sebagai masalah adalah kurang dari peratusan pelajar yang menganggapnya sebagai masalah. Peratusan pelajar yang tidak langsung menghadapinya ialah 36.4% bagi perempuan dan 50% bagi pelajar lelaki, kekerapankadang-kadang pula berjumlah sebanyak 45.4% bagi pelajar perempuan dan 37.5% bagi pelajar lelaki. Sebanyak 18.2% pelajar perempuan dan 12.5% pelajar lelaki yang benar-benar menganggapnya sebagai masalah kerana selalu menghadapi keadaan serba salah untuk menghadirkan diri ke masjid.

Sebagai kesimpulan bagi masalah-masalah yang dihadapi di bahagian ini, masalah utama yang sering dihadapi oleh pelajar perempuan ialah masalah kehadiran ke masjid yang tidak memuaskan, diikuti dengan masalah kemusykilan terhadap persoalan agama yang pernah didengar dan terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama. Bagi pelajar lelaki pula, masalah yang paling sering dihadapi mengikut turutan ialah terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama, kehadiran ke masjid yang tidak memuaskan dan musykil (ragu) terhadap persoalan agama yang pernah didengar.

4.2.3 Psikologi (Soalan 16 – 20)

Jadual 4.2.3

Masalah berkaitan psikologi

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
16.	Kematian dalam keluarga mengganggu fikiran	2	6	14	22	1	1	6	8
		9.1%	27.3%	63.6%	100%	12.5%	12.5%	75.0%	100%
17.	Tidak boleh melupakan kesalahan-kesalahan lalu	4	14	4	22	2	4	2	8
		18.2%	63.6%	18.2%	100%	25.0%	50%	25.0%	100%
18.	Kekok berjumpa dan berkenalan dengan orang	5	11	6	22	2	3	3	8
		22.7%	50.0%	27.3%	100%	25.0%	37.5%	37.5%	100%
19.	Sukar melanjutkan sesuatu perbualan	6	8	8	22	3	3	2	8
		27.3%	36.4%	36.4%	100%	37.5%	37.5%	25.0%	100%
20.	Tiada perkara menarik hendak dibuat pada masa lapang	7	12	3	22	3	4	1	8
		31.8%	54.6%	13.6%	100%	37.5%	50.0%	12.5%	100%

Masalah psikologi seringkali memberikan satu kesan mendalam kepada seseorang pelajar itu. Apabila secara psikologinya seseorang pelajar itu tertekan, beliau akan mula menunjukkan tanda-tanda yang bermasalah seperti mengasingkan diri, murung, tidak gembira dan sebagainya. Dalam kajian ini, terdapat 5 soalan yang berkaitan dengan psikologi iaitu kematian yang mengganggu fikiran, sukar melupakan kesalahan lepas, kekok berjumpa dan berkenalan dengan orang, sukar melanjutkan perbualan dan tiada perkara menarik hendak dibuat di masa lapang.

Sesuatu kematian, jika dialami di dalam golongan keluarga sendiri tentunya memberi kesan yang mendalam. Melihat kepada jadual 4.2.3, lebih daripada separuh pelajar lelaki dan perempuan tidak mengalami masalah ini, 63.6% pelajar perempuan dan 75.0% pelajar lelaki. Selebihnya sebanyak 9.1% pelajar perempuan selalu menghadapi dan 27.3% kadang-kadang menghadapinya. Bagi pelajar lelaki, sebanyak 12.5% selalu menghadapi dan 12.5% kadang-kadang menghadapinya. Satu rumusan boleh dibuat iaitu masalah psikologi yang berkaitan dengan kematian tidak begitu dialami oleh kebanyakan pelajar dalam kajian ini. Hanya sebilangan kecil yang selalu merasai kesan peristiwa tersebut.

Di dalam masalah yang ke tujuh belas, iaitu tidak boleh melupakan kesalahan-kesalahan yang telah lalu, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 18.2% pelajar perempuan dan 25.0% pelajar lelaki selalu mengalami masalah ini. Terdapat lebih daripada separuh pelajar perempuan iaitu 63.6% yang kadang-kadang mengalaminya manakala separuh daripada pelajar lelaki, 50.0% dalam kekerapan yang sama. 25.0% pelajar lelaki dan 18.2% pelajar perempuan tidak menghadapinya langsung. Di sini dapat dilihat, selain masalah-masalah peribadi yang sedang dialami masa kini, terdapat juga pelajar yang mempunyai masalah masa silam yang tidak dapat dilupakan. Pengalaman lepas seringkali memberi kesan kepada perkembangan emosi seseorang pelajar itu. Walaubagaimanapun, faktor ini, masih di dalam kawalan kerana jumlahnya tidak membimbangkan.

Perasaan malu seringkali dikaitkan dengan golongan perempuan berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar-pelajar perempuan didapati lebih menunjukkan sifat segan atau malu dalam kebanyakan hal termasuklah hal sosial. Dalam kajian ini menunjukkan bilangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi peratusnya yang merasai kekok untuk berjumpa dan berkenalan dengan orang berbanding dengan pelajar lelaki, bagi kekerapan selalu menghadapainya ialah 22.7% dan pelajar lelaki 25.0%. Pelajar perempuan yang kadang-kadang menghadapi masalah ini ialah separuh dari jumlah semua pelajar perempuan yang dikaji, manakala jumlah pelajar lelaki pula hanyalah 37.5%. Ada sebilangan kecil pelajar dalam kajian ini yang tidak langsung merasa kekok untuk berjumpa dan berkenalan dengan orang lain iaitu 27.3% bagi pelajar perempuan dan 37.5% bagi pelajar lelaki.

Dari jadual yang dilampirkan (4.2.3) juga menunjukkan satu trend yang agak berlainan dari jangkaan. Walaupun perasaan kekok untuk berjumpa dan berkenalan dengan orang ramai lebih dihadapi oleh pelajar perempuan, pelajar lelaki pula didapati lebih ramai yang mengalami masalah kesukaran melanjutkan sesuatu perbualan. Pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan sebanyak 10.2% di dalam kekerapan selalu menghadapi masalah ini (37.5%-27.3%). Di dapati sebanyak 36.4% pelajar perempuan tidak langsung menghadapi masalah ini berbanding 25.0% dengan pelajar lelaki kekerapan yang sama.

Soalan terakhir bahagian ini melihat kepada masalah ketiadaan perkara menarik yang hendak dibuat di masa lapang . Apa yang ditunjukkan di jadual ialah terdapat 31.8% pelajar perempuan dan 37.5% pelajar lelaki yang selalu menghadapi masalah ini. Terdapat separuh daripada mereka kadang-kadang mengalaminya iaitu pelajar lelaki 50.0% dan perempuan 54.6%. Sebanyak 13.6 % pelajar perempuan dan 12.5% pelajar lelaki tidak langsung mengalami masalah ini. Dapatan ini menunjukkan pelajar-pelajar kajian ini ramai yang tidak mempunyai perkara-perkara menarik untuk dibuat di masa lapang dan dengan itu merasakan hidup mereka semakin membosankan. Perkara ini perlu diberi perhatian wajar oleh pihak institut untuk menyediakan satu bentuk program yang mempunyai aktiviti-aktiviti menarik yang boleh disertai oleh pelajar-pelajar ini.

Sebagai kesimpulan masalah-masalah yang tersenarai di bahagian ini (16-20), masalah tiada perkara menarik hendak dibuat di masa lapang adalah merupakan masalah utama yang sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar kedua-dua jantina. Ini diikuti pula dengan masalah sukar melanjutkan sesuatu perbualan juga masalah kedua selalu dihadapi oleh kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan.

4.3 Masalah yang berkaitan dengan sosial (21 – 35)

4.3.1 *Keluarga. (soalan 21-25)*

Jadual 4.3.1

Masalah berkaitan keluarga.

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
21.	Tidak bersefahaman dengan adik beradik	3	7	12	22	2	3	3	8
		13.6%	31.8%	54.6%	100%	25%	37.5%	37.5%	100%
22.	Ibubapa tidak memahami saya	3	12	7	22	2	5	1	8
		13.6%	54.6%	31.8%	100%	25.0%	62.5%	12.5%	100%
23.	Menentang percakapan ibubapa saya	1	12	9	22	0	5	3	8
		4.5%	54.6%	40.9%	100%	0%	62.5%	37.5%	100%
24.	Ibubapa berpendirian kolot	2	5	15	22	0	3	5	8
		9.1%	22.7%	68.2%	100%	0%	37.5%	62.5%	100%
25.	Ibu dan bapa sering berselisih faham	1	13	8	22	1	2	5	8
		4.5%	59.1%	36.4%	100%	12.5%	25.0%	62.5%	100%

Di antara masalah yang sering timbul di peringkat remaja ialah ketidakpersefahaman dengan adik-beradik. Di peringkat ini, remaja mempunyai konflik diri yang tersendiri dan bila di rumah, adik-beradik dan ibu bapa adalah orang yang terdekat sekali dalam hidupnya. Oleh yang demikian, sedikit salah faham atau pertentangan pendapat boleh mengakibatkan kepada perkara yang lebih besar seperti pergaduhan.

Di dalam jadual 4.3.1, masalah ketidak persefahaman dengan adik-beradik lebih selalu dialami oleh pelajar lelaki daripada pelajar perempuan. Pelajar lelaki yang selalu menghadapinya ialah 25.0% dan 37.5% kadang-kadang. Jumlah peratus pelajar lelaki yang tidak menghadapinya langsung ialah 37.5%. Berbeza dengan pelajar perempuan, lebih separuh daripada mereka tidak langsung menghadapi masalah ini iaitu 54.5%. Peratus pelajar perempuan yang selalu menghadapi masalah ini ialah 13.8% dan kadang-kadang menghadapinya ialah 13.6%. Perbezaan ini menunjukkan pelajar lelaki lebih menghadapi masalah ini berbanding dengan pelajar perempuan.

Selain adik-beradik, ibu bapa juga dianggap penyumbang kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar lelaki lebih menghadapi masalah ini berbanding dengan pelajar perempuan. Mengikut kekerapan selalu menghadapi, pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan iaitu 25.0% pelajar lelaki dan 13.6% pelajar perempuan. Kekerapan kadang-kadang pula memberikan peratus yang lebih tinggi, iaitu melebihi separuh jumlah keseluruhan pelajar. 54.6% bagi pelajar perempuan dan 62.5% bagi pelajar lelaki. Sebanyak 31.8 % pelajar perempuan dan 12.5% pelajar lelaki tidak langsung menghadapi masalah ini.

Masalah yang dikemukakan seterusnya ialah samada pelajar ada menentang percakapan ibu bapa mereka. Mengikut kajian ini, lebih daripada separuh pelajar ada menentang percakapan ibu bapa mereka sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka. Jumlah peratus pelajar perempuan yang selalu menentang ialah 4.5% pelajar dan tiada bagi pelajar lelaki manakala kekerapan kadang-kadang ialah 54.6% bagi pelajar perempuan dan 62.5% bagi pelajar lelaki. Terdapat ramai juga pelajar yang tidak langsung menentang percakapan ibu bapa mereka iaitu 40.9% pelajar perempuan dan 37.5% pelajar lelaki.

Di antara salah satu sebab perselisihan faham dan pertentangan pendapat dengan ibu bapa ialah mereka dianggap masih berfikiran kolot dan ini bertentangan dengan kemodenan yang dialami oleh pelajar-pelajar ini. Mengikut dapatan kajian ini, ternyata tidak ramai ibu bapa yang masih berpendirian kolot di dalam zaman era 90an ini. Lebih separuh daripada pelajar-pelajar kajian ini tidak langsung menghadapi ibu bapa yang berpendirian kolot iaitu 68.2% bagi pelajar perempuan dan 62.5% bagi pelajar lelaki. Bagi golongan pelajar yang kadang-kadang menghadapinya ialah 22.7% bagi pelajar perempuan dan 37.5% bagi pelajar lelaki. Terdapat 9.1 % pelajar perempuan yang sering menghadapi masalah ibu bapa berfikiran kolot manakala tiada langsung di antara pelajar lelaki yang mempunyaia ibu bapa yang masih berfikiran kolot.

Perselisihan faham di antara ibu dan bapa ada kalanya memberi tekanan yang begitu mendalam di dalam diri pelajar terbabit. Dari jadual 4.3.1, terdapat satu perbezaan nyata dari aspek perselisihan faham ibu dan bapa. Pelajar – pelajar lelaki kebanyakannya tidak langsung mempunyai masalah ini. Peratusan sebanyak 62.5% ditunjukkan tetapi bagi kekerapan tidak langsung menghadapi masalah ini peratus 36.4% ditunjukkan oleh pelajar perempuan iaitu hampir separuh dari jumlah pelajar lelaki di kekerapan yang sama. Ini menunjukkan jumlah bilangan pelajar perempuan adalah lebih ramai yang merasa tertekan dengan perselisihan faham antara kedua ibu bapa mereka. Walaupun mengikut dapatan, jumlah pelajar lelaki adalah lebih ramai yang tidak langsung menghadapi masalah ini. Jumlah pelajar perempuan yang selalu menghadapi masalah ini adalah 4.5% dan jumlah peratus yang kadang-kadang pula ialah 59.1%. Bagi kekerapan selalu menghadapi di pihak pelajar lelaki, sebanyak 12.5% ditunjukkan manakala 25.0% pula ditunjukkan di kekerapan kadang-kadang menghadapi.

Ringkasan dapatan dari kelima-lima masalah ini menunjukkan masalah yang paling selalu dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan ialah, pertama, ibubapa tidak memahami jiwa mereka dan masalah kedua ialah ketidakpersefahaman dengan adik - beradik.

4.3.2 Perhubungan interpersonal.(soalan 25-30)

Jadual 4.3.2

Jadual berkaitan perhubungan interpersonal

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
3.	Sukar bergaul rapat dengan berlainan jantina	3	10	9	22	3	4	1	8
		13.6%	45.4%	41.0%	100%	37.5%	50.0%	12.5%	100%
7.	Jarang mengadakan pertemuan lain jantina	3	10	9	22	4	3	1	8
		13.6%	45.4%	41.0%	100%	50.0%	37.5%	12.5%	100%
8.	Mengasihi seseorang yang tidak cintakan saya	2	2	18	22	2	1	5	8
		9.1%	9.1%	81.8%	100%	25.0%	12.5%	62.5%	100%
9.	Kecewa dalam percintaan	1	3	18	22	0	2	6	8
		4.5%	13.6%	81.8%	100%	0%	25.0%	75.0%	100%
10.	Sedikit peluang untuk keluar berseronok dengan rakan-rakan	3	9	10	22	1	4	3	8
		13.6%	40.9%	45.4%	100%	12.5%	50.0%	37.5%	100%

Aspek seterusnya yang akan dibincangkan ialah mengenai perhubungan interpersonal seseorang pelajar itu dengan orang lain yang mana meliputi cara mereka berinteraksi, mengawal diri dan membina perwatakan yang baik. Di antara masalah yang akan dibincangkan di sini ialah kesukaran bergaul rapat dengan berlainan jantina dan masalah sukar mengadakan pertemuan lain jantina.

Kedua-dua masalah ini diletakkan bersebelahan kerana merangkumi perkara yang lebih kurang sama iaitu perhubungan dengan lain jantina. Dapatan yang diperolehi dari pelajar perempuan menunjukkan statistik yang sama antara kedua masalah tersebut iaitu bagi yang selalu menghadapi kedua masalah ini adalah 13.6%, kadang-kadang 45.4% dan tidak langsung menghadapi ialah 41.0%. Walaubagaimanapun kedua masalah ini tidak menunjukkan peratus yang sama bagi pelajar lelaki. Bagi masalah sukar bergaul-rapat dengan berlainan jantina, pelajar lelaki yang selalu menghadapi ialah sebanyak 37.5%, kadang-kadang 50.0% dan tidak langsung ialah 12.5%. Bagi masalah sukar mengadakan pertemuan lain jantina pula, pelajar lelaki menunjukkan peratusan sebanyak 50.0% bagi yang selalu menghadapi, 32.5% kadang-kadang dan 12.5% tidak langsung menghadapinya.

Masalah seterusnya ialah mengasihi seseorang yang tidak menyintai diri pelajar itu. Satu per empat daripada jumlah keseluruhan pelajar lelaki yang dikaji selalu menghadapi masalah ini, 12.5% kadang-kadang dan 62.5% tidak langsung menghadapinya. Bagi pelajar perempuan pula hanya 9.1 % selalu menghadapinya , 9.1% kadang-kadang dan selebihnya 81.8% tidak pernah mengalami masalah seperti ini.

Kecewa dalam percintaan disenaraikan dalam salah satu kategori masalah sosial ini kerana ia meliputi satu bentuk kegagalan di dalam

ambina perhubungan diri pelajar dengan orang lain. Dapatan kajian yang ampirkan di dalam jadual 4.3.2 menunjukkan kebanyakan pelajar di dalam kajian ini belum lagi mengalami satu bentuk kekecewaan di dalam percintaan. Sejumlah 81.8% pelajar perempuan dan 75.0% pelajar lelaki tidak pernah merasa kecewa dan terdapat 13.6% pelajar perempuan dan 3.0% pelajar lelaki yang kadang-kadang merasainya. Bilangan peratus yang selalu menghadapi masalah ini amat kecil iaitu 4.5% bagi pelajar perempuan dan tiada dari pelajar lelaki.

Masalah seterusnya melihat kepada terdapatnya sedikit peluang untuk keluar berseronok dengan rakan-rakan. Kajian yang didapati menunjukkan 13.6% pelajar perempuan dan 12.5% pelajar lelaki selalu menghadapi masalah ini manakala 41.0% pelajar perempuan dan 50.0% pelajar lelaki kadang-kadang menghadapinya. Dari keseluruhan jumlah pula, terdapat 45.5% pelajar perempuan dan 37.5% pelajar lelaki yang tidak langsung merasai yang mereka mempunyai sedikit peluang keluar berseronok dengan rakan-rakan.

Sebagai merumus kelima-lima masalah di bahagian ini, masalah utama yang sering dihadapi oleh kedua-dua jantina ialah sukar mengadakan pertemuan lain jantina, keduanya ialah sukar bergaul-rapat dengan berlainan jantina. Masalah ketiga bagi pelajar perempuan ialah sedikit peluang untuk keluar berseronok dengan rakan-rakan. Bagi pelajar lelaki pula ialah mengasihi seseorang yang tidak cintakan diri mereka.

4.3.2 Rakan sebaya (soalah 31-35)

Jadual 4.3.3

Masalah berkaitan rakan sebaya.

	Senarai Jenis Masalah	PEREMPUAN				LELAKI			
		Selalu	Kadang-Kadang	Tidak Langsung	JUMLAH	Selalu	Kadang-kadang	Tidak Langsung	JUMLAH
31.	Mempunyai masalah berselisih faham dengan rakan sebaya	1	16	5	22	1	2	5	8
		4.5%	72.7%	22.7%	100%	12.5%	25.0%	62.5%	100%
32.	Sukar menerima teguran rakan	0	12	10	22	2	3	3	8
		0%	54.5%	45.5%	100%	25.0%	37.5%	37.5%	100%
33.	Mudah terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan	1	15	6	22	1	7	0	8
		4.5%	68.2%	27.3%	100%	12.5%	87.5%	0%	100%
34.	Mempunyai rasa irihati atas populariti rakan sebaya yang lain	1	9	12	22	1	5	2	8
		4.5%	41.0%	54.5%	100%	12.5%	62.5%	25.0%	22%
35.	Tidak mempunyai rakan karib yang bersesuaian untuk berkongsi masalah, pengalaman dan keseronokan	4	7	11	22	2	3	3	8
		18.2%	31.8%	50.0%	100%	25.0%	37.5%	37.5%	100%

Rakan-rakan merupakan di antara orang yang penting mempengaruhi diri pelajar-pelajar remaja. Masalah dengan rakan sebaya kerap timbul apabila terdapatnya perselisihan faham antara rakan sebaya tentang sesuatu perkara. Daripada jadual yang ditunjukkan, didapati pelajar lelaki menunjukkan 12.5% bagi yang selalu menghadapi manakala 4.5% bagi pelajar perempuan untuk kekerapan yang sama. Jumlah yang tertinggi

masalah ini ialah di dalam kategori kadang-kadang iaitu 72.7% bagi pelajar perempuan dan 22.7% pelajar perempuan tidak langsung menghadapinya. Bagi kekerapan kadang-kadang menghadapinya, bagi pelajar lelaki ialah 25.0% bagi pelajar lelaki dan tidak langsung menghadapinya ialah 62.5%.

Teguran atau nasihat samada bagi tujuan mengajar atau menyindir bukanlah satu perkara yang mudah untuk diterima oleh seseorang individu. Sukarnya untuk seseorang itu menerima teguran rakan disenaraikan sebagai salah satu masalah yang berkaitan dengan sosial kerana ianya melibatkan perwatakan seseorang itu di dalam masyarakat. Masalah ini bukanlah di antara salah satu masalah serius kerana tiada pelajar perempuan yang mempunyai kekerapan selalu menghadapinya. Lebih separuh daripada pelajar perempuan didapati kadang-kadang merasai sukar untuk menerima teguran rakan iaitu 54.5% dan bagi lelaki pula tidak sampaipun separuh iaitu 37.5% bagi kekerapan yang sama. Masalah ini tidak dihadapi langsung oleh sebanyak 45.5% pelajar perempuan dan 37.5% pelajar lelaki. Ini menunjukkan hampir ke semua pelajar-pelajar kajian ini bukanlah daripada jenis yang sensitif dan yang tidak boleh langsung menerima teguran dari rakan mereka.

Pada peringkat remaja, pengaruh rakan merupakan satu faktor yang mempengaruhi cara hidup seseorang individu. Di peringkat ini, remaja amat mudah terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan mereka. Menurut dapatan kajian ini, pelajar lelaki lebih ramai yang selalu menghadapi masalah ini

berbanding dengan pelajar perempuan iaitu 12.5% pelajar lelaki dan 4.5% pelajar perempuan. Jumlah pelajar lelaki yang kadang-kadang merasai mudah terpengaruh dengan rakan-rakan mereka adalah melebihi pelajar perempuan sebanyak 19.3%, perbezaan di antara 87.5% pelajar perempuan 68.2% dan pelajar lelaki 87.5%. Tiada pelajar lelaki yang tidak langsung menghadapi masalah ini. Bagi pelajar perempuan kekerapan yang sama pula menunjukkan sebanyak 27.3%.

Populariti rakan sebaya kadang-kadang menimbulkan rasa iri hati di dalam diri seseorang pelajar. Perasaan iri hati ini sering dikaitkan menjurus kepada pelajar perempuan daripada pelajar lelaki. Menurut dapatan ini, tanggapan ini nyata tidak benar kerana pelajar lelaki dalam kajian ini lebih mempunyai rasa iri hati berbanding dengan pelajar perempuan. Terdapat sebanyak 12.5% pelajar lelaki yang selalu merasa iri hati dan 4.5% bagi pelajar perempuan. Bagi kekerapan kadang-kadang merasainya ialah 62.5% bagi pelajar lelaki dan 41.0% bagi pelajar perempuan. Lebih separuh daripada jumlah pelajar perempuan kajian ini tidak langsung merasa iri hati terhadap rakan sebaya mereka iaitu 54.5% manakala jumlah pelajar lelaki kekerapan yang sama pula adalah hampir separuh daripada bilangan pelajar perempuan ini iaitu 25.0%. Dapatan ini menunjukkan yang pelajar lelaki adalah lebih mempunyai rasa iri hati atas populariti rakan sebaya mereka yang lain.

Masalah terakhir ini melihat kepada faktor pergantungan pelajar kepada orang lain yang di dalam konteks ini ialah rakan sebaya mereka. Sebanyak 25.0% pelajar lelaki dan 18.2% pelajar perempuan selalu menghadapi masalah ketiadaan seseorang yang dinamakan rakan karib untuk berkongsi masalah dan pengalaman mereka. Bagi yang kadang-kadang mempunyai masalah ini ialah 31.8% bagi pelajar perempuan dan 37.5% pelajar lelaki. Sebanyak 37.5% daripada pelajar lelaki yang dikaji tidak mempunyai masalah ini dan sebanyak 50.0% pelajar perempuan tidak menghadapinya. Ini bermakna separuh daripada pelajar perempuan ini mempunyai seseorang rakan karib yang sesuai kepada diri mereka untuk berkongsi masalah, pengalaman dan keseronokan.

Sebagai kesimpulan kelima-lima masalah di bahagian ini, masalah yang paling sering dihadapi oleh kedua-dua jantina ialah masalah tidak mempunyai rakan karib yang bersesuaian untuk berkongsi masalah, pengalaman dan keseronokan. Masalah kedua sering dihadapi ialah masalah perselisihan faham dengan rakan sebaya bagi pelajar perempuan, dan bagi pelajar lelaki pula, ialah masalah sukar menerima teguran rakan. Masalah ketiga sering dihadapi ialah masalah mudah terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan yang mana dihadapi oleh kedua-dua jantina.